



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
INTEGRITY PACT
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
SARAWAK

The image shows a black silhouette of a city skyline against a light grey background. The skyline includes various buildings, some with traditional Sarawakian architectural features like tiered roofs and spires, and others that are more modern skyscrapers. The silhouette is positioned at the bottom of the page, above the text.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN
KERAJAAN NEGERI**

(BERKUATKUASA MULAI 1 NOVEMBER 2020)

DISUSUN OLEH:
PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
2020

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 05/2020 1 – 3
Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Negeri

Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Negeri

1. Pendahuluan 1
2. Konsep Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan 1
3. Objektif Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Negeri 1 – 2
4. Skop Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Negeri 2 – 3
5. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri 3 – 4
6. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan 4 – 5
7. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan 5 – 6
8. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pembida 7 – 8
9. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pelantikan Perunding 8 – 9

LAMPIRAN – LAMPIRAN

<u>LAMPIRAN</u>	<u>TAJUK</u>	<u>MUKA SURAT</u>
A	Surat Akuan Oleh Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri	10 – 11
B	Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	12 – 13
C	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	14 – 15
D	Surat Akuan Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan (Termasuk Urus Setia)	16 – 17
E	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan (Termasuk Urus Setia)	18 – 19
F	Surat Akuan Pembida	20 – 21
G	Surat Akuan Pembida Berjaya	22 – 23
H	Klausa Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan	24
I	Surat Akuan Kepentingan Perunding	25 – 26
J	Surat Akuan Perunding Yang Dilantik	27 - 28



Ruj Tuan:
Ruj Kami: SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)(29)
Tarikh : 15 September 2020

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL. 05/2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri

Semua Residen Bahagian

Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN PEKELILING

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Agensi (Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan) mengenai garis panduan pelaksanaan ***Integrity Pact*** dalam perolehan Kerajaan Negeri.
- 1.2 Garis panduan terperinci pelaksanaan ***Integrity Pact*** dalam perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti yang dilampirkan bersama dengan Surat Pekeliling ini.
- 1.3 Bagi tujuan garis panduan ini, **Ketua Agensi** adalah merujuk kepada **Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Setiausaha** (bagi Pihak Berkuasa Tempatan) / **Ketua Pegawai Eksekutif** (bagi Badan-Badan Berkanun).

2. OBJEKTIF DAN SKOP PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*

- 2.1 Secara umumnya, objektif utama pelaksanaan ***Integrity Pact*** adalah untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan Negeri yang dijangka dapat mengurangkan dan membasmi sebarang gejala rasuah seperti mana yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan dan negara-negara membangun yang lain.

- 2.2 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** ini juga merupakan komitmen dan usaha Kerajaan Negeri untuk menyokong dan mengukuhkan lagi ***Integrity Pledge*** yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini.
- 2.3 Skop bagi pelaksanaan ***Integrity Pact*** dalam perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
- 2.3.1 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri;
 - 2.3.2 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan;
 - 2.3.3 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan;
 - 2.3.4 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Pembida; dan
 - 2.3.5 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Pelantikan Perunding.
- 2.4 Bagi meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan Negeri, semua pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan adalah dikehendaki untuk menandatangani ***Integrity Pact***. Pihak yang terlibat adalah seperti berikut:
- 2.4.1 Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan;
 - 2.4.2 Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan;
 - 2.4.3 Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan;
 - 2.4.4 Pembida; dan
 - 2.4.5 Perunding.

3. PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Ketua Agensi hendaklah memastikan semua peraturan dan prosedur yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi.


4. PENGUATKUASAAN DAN PENGECEUALIAN

- 4.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 November 2020.

- 4.2 Sebarang pengecualian daripada peraturan di dalam Surat Pekeliling ini hendaklah mendapatkan kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN)
Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

- s.k.:
1. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
 2. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
 3. Pengarah, Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri
 4. Akauntan Negeri

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini memberi panduan mengenai pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan Negeri. Ianya menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai konsep *Integrity Pact* dan pelaksanaannya yang merangkumi pelbagai peringkat dalam proses perolehan Kerajaan Negeri.
- 1.2 Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam proses perolehan yang dijelaskan di dalam garis panduan ini hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua Agensi (Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan).

2. KONSEP PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 2.1 *Integrity Pact* adalah satu proses pengisytiharan oleh pembida / perunding / orang awam untuk tidak menawar serta memberi rasuah sebagai ganjaran untuk mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan Kerajaan.
- 2.2 Melalui *Integrity Pact* ini, penjawat awam, pembida dan perunding perlu menandatangani satu '*pact*' atau perjanjian untuk tidak melakukan sebarang perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran '*pact*' atau perjanjian tersebut.

3. OBJEKTIF PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

- 3.1 Antara objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
 - 3.1.1 Mengelak sebarang penawaran atau pemberian rasuah oleh petender / penyebut harga;
 - 3.1.2 Menghendaki petender / penyebut harga untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa yang berkaitan; dan

- 3.1.3 Memastikan Kerajaan tidak menanggung sebarang kos tambahan yang tidak diperlukan (*unnecessary costs*) dalam pelaksanaan urusan perolehan Kerajaan.
- 3.2 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesalahan gejala rasuah di kalangan penjawat awam dan pihak-pihak yang berurusan dalam perolehan Kerajaan Negeri dan seterusnya dapat membasmi kesalahan-kesalahan rasuah yang biasa berlaku dalam perolehan Kerajaan, antaranya seperti berikut:
- 3.2.1 Pemberian dan penawaran suapan antara penjawat awam dengan kontraktor / pembekal dalam pelbagai bentuk sama ada wang, hadiah, derma, diskaun, bonus, pekerjaan dan lain-lain seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- 3.2.2 Penyelewengan kuasa yang melibatkan sebarang jenis konflik kepentingan penjawat awam berhubung pemilihan syarikat perkhidmatan, pembinaan, pembekal dan perunding;
- 3.2.3 Tuntutan atau perakuan palsu yang melibatkan syarikat serta penjawat awam;
- 3.2.4 Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mempengaruhi penilaian perolehan; dan
- 3.2.5 Persubahatan antara penjawat awam dan kontraktor / pembekal / penyedia perkhidmatan.

4. SKOP PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

Skop pelaksanaan ***Integrity Pact*** dalam perolehan Kerajaan Negeri terbahagi kepada lima (5) seperti berikut:

- 4.1 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri;
- 4.2 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan;
- 4.3 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan;

- 4.4 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Pembida; dan
- 4.5 Pelaksanaan ***Integrity Pact*** Bagi Pelantikan Perunding.

5. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

5.1 Penjawat awam yang dimaksudkan merujuk kepada semua pegawai / kakitangan / anggota perkhidmatan awam di semua Agensi (Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan) yang terlibat dalam proses perolehan Kerajaan Negeri seperti berikut:

- 5.1.1 Bahagian Perolehan;
- 5.1.2 Bahagian Pembangunan;
- 5.1.3 Bahagian Kewangan;
- 5.1.4 Agensi yang terlibat dengan pendaftaran kontraktor / pembekal / firma;
- 5.1.5 Urus setia Lembaga / Jawatankuasa Tender / Sebut Harga; dan
- 5.1.6 Mana-mana Bahagian, Seksyen dan Unit lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perolehan.

5.2 Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri

Pelaksanaan ***Integrity Pact*** bagi penjawat awam yang terlibat dalam perolehan Kerajaan Negeri hendaklah dibuat dalam **dua (2) peringkat** seperti berikut:

5.2.1 Semasa Melapor Diri untuk Bertugas

5.2.1.1 Setiap penjawat awam yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan Kerajaan hendaklah menandatangani **Surat Akuan Oleh Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri** seperti di **Lampiran A**.

5.2.1.2 Akuan ini hendaklah dibuat semasa pegawai tersebut mula melaporkan diri atau melaksanakan tugas di Agensi dan disimpan di dalam fail peribadi pegawai.

5.2.1.3 Setiap Ketua Agensi hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan yang bertugas dibawahnya menandatangani **Surat Akuan Oleh Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan** sebelum memulakan tugas atau terlibat dalam sebarang urusan perolehan.

5.2.2 Pembaharuan Akuan Setiap Tahun

Setiap Ketua Agensi hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan yang bertugas dibawahnya memperbaharui Akuan mereka setiap tahun.

Ringkasan bagi Proses Kerja Pelaksanaan Integrity Pact Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti di Diagram 1 di bawah:-




Diagram 1

6. PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

6.1 Jawatankuasa berkaitan perolehan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada semua jenis jawatankuasa yang terlibat dalam **proses perolehan** Kerajaan Negeri seperti berikut:

- 6.1.1 Jawatankuasa Pembuka Tender / Sebutharga;
- 6.1.2 Jawatankuasa Penilaian Perunding;
- 6.1.3 Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan / atau Kewangan;
- 6.1.4 Jawatankuasa Pengecualian Tender / Sebut Harga; dan
- 6.1.5 Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan.

6.2 Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi ahli jawatankuasa berkaitan perolehan hendaklah dibuat dalam **dua (2) peringkat** seperti berikut:

6.2.1 Pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

Setiap pegawai / kakitangan yang dilantik untuk menganggotai mana-mana Jawatankuasa Berkaitan Perolehan (termasuk urus setia) hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan** seperti di **Lampiran B** dan disimpan oleh Urus Setia di dalam fail yang berkaitan.

6.2.2 Setelah Selesai Tugas Sebagai Ahli

Setiap Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan (termasuk urus setia) hendaklah menandatangani **Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan** setelah selesai tugas seperti di **Lampiran C** yang akan dikepilkan bersama laporan berkaitan dan difailkan.

Ringkasan bagi Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti di Diagram 2 di bawah:-




Diagram 2

7. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI AHLI LEMBAGA / JAWATANKUASA PEROLEHAN

7.1 Lembaga / Jawatankuasa perolehan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Jawatankuasa / Lembaga yang membuat keputusan sebut harga / tender, memuktamadkan kos dan seumpamanya seperti berikut:

7.1.1 Lembaga Tender Pusat Negeri / Lembaga Tender Bahagian / Jawatankuasa Sebut Harga (bagi Kementerian / Jabatan);

7.1.2 Lembaga / Jawatankuasa Perolehan Tender / Sebut Harga (bagi Badan-Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan);

- 7.1.3 Jawatankuasa Perolehan Terus (*Common Items*);
- 7.1.4 Jawatankuasa Kos Negeri (*State Cost Committee*); dan
- 7.1.5 Lain-lain Lembaga / Jawatankuasa seumpamanya.

7.2 Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan

Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi ahli lembaga / jawatankuasa perolehan hendaklah dibuat dalam **dua (2) peringkat** seperti berikut:

7.2.1 Pelantikan sebagai Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan

Setiap pegawai / kakitangan yang dilantik sebagai Ahli / Ahli Ganti Lembaga / Jawatankuasa Perolehan (termasuk urus setia) hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pelantikan Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan** seperti di **Lampiran D** dan disimpan oleh Urus Setia Lembaga / Jawatankuasa Perolehan di dalam fail yang berkaitan.

7.2.2 Setiap Kali Mesyuarat Lembaga / Jawatankuasa Perolehan Bersidang

Setiap Ahli / Ahli Ganti Lembaga / Jawatankuasa Perolehan (termasuk urus setia) hendaklah menandatangani **Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan** seperti di **Lampiran E** pada setiap mesyuarat / persidangan setelah selesai melaksanakan tugas dan disimpan oleh Urus Setia Lembaga / Jawatankuasa Perolehan di dalam fail yang berkaitan.

Ringkasan bagi Proses Kerja Pelaksanaan Integrity Pact Bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan adalah seperti di Diagram 3 di bawah:-




Diagram 3

8. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEMBIDA

8.1 Pembida yang dimaksudkan merujuk kepada yang berikut:

8.1.1 Petender; dan

8.1.2 Penyebut Harga.

8.2 Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pembida

Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi pembida hendaklah dibuat dalam **tiga (3) peringkat** seperti berikut:

8.2.1 Semasa Pembelian / Pengambilan dan Penyerahan Kembali Dokumen Tender / Sebut Harga

8.2.1.1 Setiap Agensi hendaklah memastikan sesalinan **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran F** disertakan bersama dokumen tender / sebut harga yang diedarkan kepada pembida.

8.2.1.2 Setelah itu, semasa penyerahan kembali dokumen tender / sebut harga daripada pembida, setiap Agensi hendaklah memastikan **Surat Akuan Pembida** tersebut telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkan bersama dokumen tender / sebut harga yang dikembalikan.

8.2.1.3 Peraturan ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Syarat-syarat Tender / Sebut Harga dan sekiranya pembida / penyebut harga gagal mematuhiinya, tawaran daripada pembida / penyebut harga berkenaan hendaklah ditolak.

8.2.2 Semasa Pengeluaran dan Penyerahan Kembali Surat Setuju Terima Bagi Pembida Yang Berjaya

8.2.2.1 Semasa mengeluarkan Surat Setuju Terima (*Letter of Acceptance*) kepada pembida yang berjaya, setiap Agensi hendaklah memastikan **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti di **Lampiran G** telah disertakan bersama Surat Setuju Terima (*Letter of Acceptance*) tersebut.

8.2.2.2 Setelah itu, setiap Agensi hendaklah memastikan **Surat Akuan Pembida Berjaya** telah diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikepilkan bersama salinan Surat Setuju Terima yang diserahkan kembali kepada Agensi.

8.2.3 Semasa Perjanjian Perolehan Ditandatangani Diantara Pembida Berjaya Dan Agensi Kerajaan

Setiap Agensi hendaklah memastikan **klausa mengenai rasuah** seperti di **Lampiran H** disertakan sekali dalam semua dokumen kontrak kepada pembida yang berjaya.

Ringkasan bagi Proses Kerja Pelaksanaan Integrity Pact Bagi Pembida adalah seperti di Diagram 4 di bawah:-




Diagram 4

9. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PELANTIKAN PERUNDING

9.1 Perunding yang dimaksudkan merujuk kepada mana-mana perunding yang terlibat dalam skop perkhidmatan seperti berikut:

9.1.1 Perkhidmatan perunding **pembangunan fizikal**;

9.1.2 Perkhidmatan perunding untuk **kajian** termasuklah **kajian fizikal** dan **kajian bukan fizikal**; dan

9.1.3 Lain-lain perkhidmatan perunding selain daripada yang dinyatakan di perenggan 9.1.1 dan 9.1.2 di atas.

9.2 **Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pelantikan Perunding**

Pelaksanaan ***Integrity Pact*** bagi pelantikan perunding hendaklah dibuat dalam **tiga (3) peringkat** seperti berikut:

9.2.1 **Semasa Pengeluaran Surat Niat / Surat Tawaran**

9.2.1.1 Setiap Agensi hendaklah memastikan sesalinan **Surat Akuan Kepentingan Perunding** seperti di **Lampiran I**

disertakan bersama Surat Niat / Surat Tawaran yang diedarkan kepada perunding.

9.2.1.2 Setelah itu, setiap Agensi hendaklah memastikan **Surat Akuan Kepentingan Perunding** tersebut ditandatangani dan dikembalikan bersama Cadangan Perunding (Cadangan Teknikal dan Kewangan) kepada Agensi yang berkaitan sebelum apa-apa proses rundingan dimulakan.

9.2.2 Semasa Pengeluaran Surat Setuju Terima / Surat Pelantikan

Semasa mengeluarkan Surat Setuju Terima / Surat Pelantikan kepada perunding, setiap Agensi hendaklah memastikan **Surat Akuan Perunding Yang Dilantik** seperti di **Lampiran J** telah disertakan bersama Surat Setuju Terima / Surat Pelantikan tersebut dan seterusnya dikembalikan kepada Agensi.

9.2.3 Semasa Perjanjian Perolehan Ditandatangani Diantara Perunding Dan Agensi Kerajaan

Setiap Agensi hendaklah memastikan **klausu mengenai rasuah** seperti di **Lampiran H** dimasukkan dalam semua dokumen kontrak / perjanjian perunding.

Nota: Sekiranya pelantikan perunding menggunakan perolehan secara tender maka pelaksanaan **Integrity Pact** bagi pembida seperti di perenggan 8 hendaklah diguna pakai.

Ringkasan bagi Proses Kerja Pelaksanaan Integrity Pact Bagi Pelantikan Perunding adalah seperti di Diagram 5 di bawah:-




Diagram 5

LAMPIRAN

**SURAT AKUAN OLEH PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN
KERAJAAN NEGERI**

Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan (Awam / Tentera / Polis)
..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama	:	Nama Saksi*	:
No. KP (Awam/Tentera/Polis)	:	No. KP (Awam/Tentera/Polis)	:
Tandatangan	:	Tandatangan	:
Jawatan	:	Jawatan	:
Tarikh	:	Tarikh	:

*Disaksikan oleh Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif

DECLARATION BY CIVIL SERVANTS INVOLVED IN GOVERNMENT PROCUREMENT

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC No. (Civilian / Military / Police)
hereby sincerely declare that:

- i. I shall abstain myself from any corrupt practices with any person(s) directly or indirectly engaged with any procurement;
- ii. I shall not collude with any part, that may affect the transparency and fairness during any procurement process and during the contract implementation period;
- iii. If there is any attempt of bribery from any party, I shall immediately lodge a report at the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest police station. I am aware that failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694];
- iv. I shall not divulge any confidential information related to Government Procurement to any party in accordance with the Official Secrets Act 1972 [Act 88];
- v. I shall immediately declare to the Head of Department if any of my family member(s) or close relative(s) has any interest in any procurement activity undertaken by me; and
- vi. I duly understand that if I breach any terms of this Declaration, I shall be subjected to Public Officers Regulation (Conduct and Discipline) 1993.

Name	:	Name of Witness*	:
NRIC/Military/Police No	:	NRIC/Military/Police No	:
Signature	:	Signature	:
Designation	:	Designation	:
Date	:	Date	:

*Witnessed by the Controlling Officer / Head of Department / Secretary / Chief Executive Officer

SURAT AKUAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN
Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan (Awam / Tentera / Polis)
..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam tender / sebut harga (**Tajuk Tender / Sebut Harga dan Nombor Rujukan**);
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak sehingga boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa proses perolehan;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama :
No. KP (Awam / Tentera / Polis) :
Tandatangan :
Jawatan :
Agensi :
Tarikh :

DECLARATION BY MEMBERS OF PROCUREMENT RELATED COMMITTEES
Versi Bahasa Ingggris

I, NRIC No. (Civilian / Military / Police)
hereby sincerely declare that:

- i. I shall abstain myself from any corrupt practice with any person(s) directly or indirectly engaged with this tender / quotation (**Tender / Quotation Title and Reference Number**);
- ii. I shall not collude with any party, that may affect the transparency and fairness during the procurement process;
- iii. If there is any attempt of bribery from any party, I shall immediately lodge a report at the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest police station. I am aware that failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694];
- iv. I shall not divulge any confidential information related to Government Procurement to any party in accordance with the Official Secrets Act 1972 [Act 88];
- v. I hereby declare that none of my family member(s) or close relative(s) has any interest in any procurement activity undertaken by me; and
- vi. I duly understand that if I breach any term of this Declaration, I shall be subjected to Public Officers Regulation (Conduct and Discipline) 1993.

Name :
NRIC / Military / Police No. :
Signature :
Designation :
Agency :
Date :

SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN
Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan (Awam / Tentera / Polis)
..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai *ahli / urus setia (**Nama Jawatankuasa, Tajuk Tender / Sebut Harga**) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama :
No. KP (Awam / Tentera / Polis) :
Tandatangan :
Jawatan :
Agensi :
Tarikh :

*Potong mana yang tidak berkenaan

**DECLARATION BY MEMBERS OF PROCUREMENT RELATED COMMITTEES UPON
COMPLETION OF DUTIES**

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC No. (Civilian / Military / Police)
hereby sincerely declare that:

- i. I have performed my duties as *member / secretariat of **(Name of Committee, Tender / Quotation Title)** without having any personal or vested interest, being influenced by any other part / parties or involved in any corrupt practices / gratification as defined in Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694];
- ii. None of my family member(s) or close relative(s) has any interest in any procurement activity undertaken by me;
- iii. I shall not divulge any confidential information related to this procurement to any other part / parties in accordance with the Official Secrets Act 1972 [Act 88];
and
- iv. I duly understand that if I breach any terms of this Declaration, I shall be subjected to Public Officers Regulation (Conduct and Discipline) 1993.

Name :
NRIC / Military / Police No. :
Signature :
Designation :
Agency :
Date :

*Delete whichever not applicable

**SURAT AKUAN AHLI LEMBAGA / JAWATANKUASA PEROLEHAN
(TERMASUK URUS SETIA)**

Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan (Awam / Tentera / Polis)
..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai *Pengerusi / ahli / urus setia **(Nama Lembaga / Jawatankuasa Perolehan):**
- ii. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;
- iii. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
- iv. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan
- v. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

Nama :

No. KP (Awam / Tentera / Polis) :

Tandatangan :

Jawatan :

Agensi :

Tarikh :

*Potong mana yang tidak berkenaan

DECLARATION BY MEMBERS OF PROCUREMENT BOARDS / COMMITTEES

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC No. (Civilian / Military / Police)
hereby sincerely declare that:

- i. I shall abstain myself from any corrupt practice with any person(s) directly or indirectly in discharging my duties as a *Chairman / member / secretariat of **(Name of Procurement Board / Committee)**;
- ii. I shall not collude with or be influenced by any party in discharging my duties;
- iii. I shall divulge any personal or vested interest in writing and withdraw myself from any decision making;
- iv. If there is any attempt of bribery from any party, I shall immediately lodge a report at the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest police station. I am aware that failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694]; and
- v. I shall not divulge any confidential information related to Government Procurement to any party in accordance with the Official Secrets Act 1972 [Act 88].

Name :
NRIC / Military / Police No. :
Signature :
Designation :
Agency :
Date :

*Delete whichever not applicable

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI LEMBAGA / JAWATANKUASA PEROLEHAN
(TERMASUK URUS SETIA)**

Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan (Awam / Tentera / Polis)
..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai *Pengerusi / ahli / urus setia (**Nama Lembaga / Jawatankuasa Perolehan, Mesyuarat Bil. / Tahun**) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma / klausa surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama :
No. KP (Awam / Tentera / Polis) :
Tandatangan :
Jawatan :
Agensi :
Tarikh :

*Potong mana yang tidak berkenaan

**DECLARATION BY MEMBERS OF PROCUREMENT BOARDS / COMMITTEES
(INCLUDING SECRETARIAT) UPON COMPLETION OF DUTIES**

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC No. (Civilian / Military / Police)
hereby sincerely declare that:

- i. I have performed my duties as a *Chairman / member / secretariat of **(Name of Board / Committee, Meeting No. / Year)** without having any personal or vested interest, being influenced by any other party / parties or involved in any corrupt practices / gratification as defined in Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694];
- ii. None of my family member(s) or close relative(s) has any interest in any procurement activity undertaken by me;
- iii. I shall not divulge any confidential information related to this procurement to any other party / parties in accordance with the Official Secrets Act 1972 [Act 88];
and
- iv. I duly understand that if I breach any terms of this Declaration, I shall be subjected to Public Officers Regulation (Conduct and Discipline) 1993.

Name :
NRIC / Military / Police No. :
Signature :
Designation :
Agency :
Date :

*Delete whichever not applicable

SURAT AKUAN PEMBIDA
(Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/Sebut Harga)
Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan
yang mewakili **(Nama syarikat / firma)** no. Pendaftaran ***UPKJ / ROS / SSM / ROB**
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili
syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
(Nama Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam
tender / sebut harga** seperti di atas. Bersama ini dilampirkan *Surat Perwakilan
Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Agensi)** atau
mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam ***tender / sebut harga**
seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi *tender / sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi *tender / sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam *tender / sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan
ii) **Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

BIDDER'S DECLARATION
(Tender / Quotation Title and Refence Number)

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC No. representing **(Name of company / firm)** with registration number ***UPKJ / ROS / SSM / ROB** hereby declare that I, or any individual(s) representing this company, shall not offer or give bribes to any individual(s) in **(Name of Agency)** or any other individual(s), as an inducement to be selected in the aforementioned ***tender / quotation**. I attach herewith a ****Letter of Authorisation** which empowers me, as a representative of the aforementioned company, to make this declaration.

2. If I, or any individual(s) representing this company, is offering or giving any bribes to any individual(s) in **(Name of Agency)** or any other individual(s) as an inducement to be selected in the aforementioned ***tender / quotation**, I hereby agree, as a representative of the aforementioned company, for the following actions to be taken:

- 2.1 Revocation of the contract offer for the aforementioned ***tender / quotation**; or
- 2.2 Termination of the contract for the aforementioned ***tender / quotation**; and
- 2.3 Other disciplinary actions according to the Government procurement rules and regulations currently in force.

3. In the event where there is any individual(s) who attempts to solicit any bribe from me or any individual(s) related to this company as an inducement to be selected for the aforementioned tender / quotation, I hereby pledge to immediately report such act(s) to the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest police station.

Sincerely,

.....

(Name and NRIC No.)

Company Stamp :

- Note:
- i) *Delete whichever not applicable
 - ii) **This declaration is to be submitted together with Letter of Authorisation

SURAT AKAUN PEMBIDA BERJAYA
(Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/Sebut Harga)
Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakili **(Nama syarikat / firma)** no. Pendaftaran ***UPKJ / ROS / SSM / ROB** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Agensi)** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam ***tender / sebut harga** seperti di atas. Bersama ini dilampirkan ****Surat Perwakilan Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Agensi)** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan ***tender / sebut harga** seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi *tender / sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi *tender / sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *tender / sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
ii) **Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SUCCESSFUL BIDDER'S DECLARATION
(Tender / Quotation Title and Refence Number)

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC No. representing
(Name of company / firm) with registration number ***UPKJ / ROS / SSM / ROB** hereby
declare that I, or any individual(s) representing this company, shall not offer or give
bribes to any individual(s) in **(Name of Agency)** or any other individual(s), as an
inducement to be selected in the aforementioned ***tender / quotation**. I attach
herewith a ****Letter of Authorisation** which empowers me, as a representative of the
aforementioned company, to make this declaration.

2. If I, or any individual(s) representing this company, is offering or giving any bribes
to any individual(s) in **(Name of Agency)**. or any other individual(s) as gratification for
being selected in the aforementioned ***tender / quotation**, I hereby agree, as a
representative of the aforementioned company, for the following actions to be taken:

- 2.1 Revocation of the contract offer for the aforementioned ***tender / quotation**; or
- 2.2 Termination of the contract for the aforementioned ***tender / quotation**;
and
- 2.3 Other disciplinary actions according to the Government procurement
rules and regulations currently in force.

3. In the event where there is any individual(s) who attempts to solicit any bribe
from me or any individual(s) related to this company as an inducement to be selected
for the aforementioned ***tender / quotation**, I hereby pledge to immediately report
such act(s) to the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest
police station.

Sincerely,

.....

(Name and NRIC No.)

Company Stamp :

- Note:
- i) *Delete whichever not applicable
 - ii) **This declaration is to be submitted together with Letter of Authorisation

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN /
CLAUSE ON PREVENTION OF CORRUPTION IN GOVERNMENT
PROCUREMENT DOCUMENT

Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) Without prejudice to any other rights of the ***Government**, if the [Company / Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement / Contract] or any other agreement that the [Company / Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement / Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company / Firm].
- (b) Upon such termination, the ***Government** shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.
- (c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company / Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement / Contract].

***Nota :** Bagi Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, terma "*Government*" hendaklah diganti dengan terma mengikut undang-undang dan peraturan yang digunapakai oleh Agensi masing-masing.

**SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING
(Disertakan Bersama Surat Niat / Cadangan Perunding)**

Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan / No. Pasport selaku pemilik (**Nama firma**) dengan no. Pendaftaran ***UPKJ / ROS / SSM / ROB** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah atau menggunakan pengaruh kepada mana-mana individu dalam (**Nama Agensi**) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

Yang Benar,

.....
Nama :
No. Kad Pengenalan / Pasport :
Tarikh :
Cop Syarikat :

- Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan
ii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Niat / Surat Tawaran

DECLARATION OF INTEREST BY CONSULTANTS

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC / Passport No. as owner of **(Name of firm)** with registration number ***UPKJ / ROS / SSM / ROB** hereby declare that I or any individuals representing this company will not offer or give bribes or use influence on any individuals in **(Name of Agency)** or any other individuals, as gratification to obtain this procurement.

2. If there is attempt of bribery from any party, I shall immediately lodge a report at the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest police station. I am aware that failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

Sincerely,

.....

Name :
NRIC / Passport No. :
Date :
Firm Stamp :

- Note: i) *Delete whichever not applicable
ii) This declaration is to be submitted together with Letter of Authorisation / Letter of Invitation

**SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK
(Disertakan Bersama Surat Setuju Terima / Pelantikan)**

Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan / No. Pasport, selaku pemilik **(Nama firma)** dengan no. Pendaftaran ***UPKJ / ROS / SSM / ROB** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah / sogokan kepada mana-mana individu dalam **(Nama Agensi)** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapat tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan memberi / menawarkan rasuah sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Agensi)** atau mana-mana individu lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik Surat Setuju Terima; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perkhidmatan perunding selaras dengan peruntukan dalam kontrak; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

Yang Benar,

.....

Nama :
 No. Kad Pengenalan / Pasport :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan
 ii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Setuju Terima / Surat Pelantikan

**DECLARATION BY APPOINTED CONSULTANTS
(Attached together with Letter of Acceptance / Appointment)**

Versi Bahasa Inggeris

I, NRIC / Passport No. as owner **(Name of firm)** with registration number ***UPKJ / ROS / SSM / ROB** hereby declare that I or any individual(s) that are representing this company will not offer or give bribe / gratification to any individual(s) in **(Name of Agency)** as reward for obtaining offer of appointed consultant. I also will not give / offer bribe during the period and after the contract for whatsoever reason involving this procurement.

2. If I, or any individual(s) representing this firm, is convicted of offering or giving bribes to any individual(s) in **(Name of Agency)** or any other individual(s) directly or indirectly engaged with the procurement of the consultancy services, I hereby agree, as a representative of the aforementioned firm, for the following actions to be taken:

- 2.1 Revocation of the Letter of Acceptance; or
- 2.2 Termination of the contract for the consultancy services in accordance with the provisions of the Agreement; and
- 2.3 Disciplinary actions according to the Government procurement rules and regulations in force.

3. If there is any attempt of bribery from any party, I shall immediately lodge a report at the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest police station. I am aware that failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

Sincerely,

.....
Name :
NRIC / Passport NO. :
Date :
Firm Stamp :

- Note:
- i) *Delete whichever not applicable
 - ii) This declaration is to be returned together with Letter of Acceptance / Letter of Appointment

